



KASTAM DIRAJA MALAYSIA

CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN

**PANDUAN
PERUNCITAN**

KANDUNGAN

PENGENALAN	1
Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) Secara Umum	1
OPERASI AM INDUSTRI.....	1
HARGA	4
MASA PEMBEKALAN	5
NILAI PASARAN TERBUKA (NPT)	5
BALASAN.....	5
TEMPOH BERCUKAI	6
LAYANAN CBP UNTUK INDUSTRI.....	6
JUALAN SECARA KONSAINAN	6
BARANG BARTER (TUKAR-BELI)	9
SEWA BELI	10
JUALAN KREDIT	10
PENGAMBILAN BALIK BARANG	11
BARANG YANG DIKEMBALIKAN.....	12
BARANG BAGI HARGA RUNCIT YANG DISYORKAN (HRD)	13
MEDAN SELERA.....	18
AKTIVITI PENYEWAAN	18
DISKAUN.....	19
Diskaun Harga.....	19
Diskaun Pembayaran Segera.....	19
Diskaun Pukal.....	20
PROMOSI LAIN.....	24
Barang Percuma Diikat Bersama.....	24
Pembelian dengan Pembelian.....	25

Hadiah	25
Sampel	26
BAUCAR/KUPON/SETEM/TOKEN.....	27
Baucar tunai	27
Baucar/Kupon bukan tunai	30
Baucar Diskaun (Baucar tunai).....	33
Kupon <i>Cash-back</i> (Baucar tunai).....	34
Kupon tolak harga (' <i>money-off</i> ') (Baucar tunai).....	35
Setem (Baucar tunai) - Selain setem pos	36
Token (Baucar bukan tunai)	37
MATA GANJARAN.....	38
BAYARAN BALIK KHAS CUKAI JUALAN	48
PAPARAN HARGA	49
SOALAN LAZIM	50
MAKLUMBALAS DAN KOMEN	52
BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT	53

PENGENALAN

1. Panduan industri ini disediakan untuk membantu peniaga dalam memahami perkara berkaitan dengan layanan Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) ke atas sektor Peruncitan.

Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) Secara Umum

2. Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) adalah cukai berperingkat yang dikenakan ke atas kegunaan domestik. CBP dikenakan ke atas semua pembekalan barang dan perkhidmatan bercukai di Malaysia selain dari yang dikecualikan secara khusus. CBP juga dikenakan ke atas pengimportan barang dan perkhidmatan ke Malaysia.

3. Pembayaran cukai dibuat secara berperingkat oleh perantara dalam proses pengeluaran dan pengagihan. Walaupun cukai dibayar sepanjang rantaian pengeluaran dan pengedaran, hanya nilai tambah pada setiap peringkat akan dikenakan cukai dan ini dapat mengelakan cukai dua kali.

4. Di Malaysia, seseorang yang didaftarkan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 20XX dikenali sebagai “orang yang berdaftar”. Orang yang berdaftar dikehendaki untuk mengenakan CPB (cukai output) ke atas pembekalan bercukai yang dibuat kepada pelanggan. Beliau juga dibenarkan untuk menuntut kembali apa-apa CBP yang dikenakan ke atas pembelian (cukai input) yang merupakan input kepada perniagaannya. Oleh itu, CBP bukan merupakan satu kos kepada perantara serta tidak menjadi sebagai suatu unsur perbelanjaan dalam penyata kewangan mereka.

OPERASI AM INDUSTRI

5. Mana-mana peruncit yang membuat pembekalan bercukai (iaitu bekalan berkadar standard dan berkadar sifar) di mana jualan perolehannya melebihi nilai ambang RM500,000 bagi tempoh dua-belas (12) bulan adalah perlu untuk didaftarkan sebagai seorang orang berdaftar. Walau bagaimanapun, mana-mana peruncit yang mana jualan perolehannya tidak melebihi nilai ambang RM500,000

boleh didaftarkan secara sukarela.

6. Apabila barang dan perkhidmatan dibekalkan oleh peruncit berdaftar, CBP dikenakan dan dipungut oleh peruncit tersebut. CBP yang dikenakan dipanggil sebagai **cukai output**. Seorang peruncit yang bukan berdaftar tidak boleh mengenakan CBP ke atas pembekalan yang dibuat olehnya.

Contoh 1:

CBP dikenakan ke atas bekalan berkadar standard.

Andaikan nilai barang atau perkhidmatan yang dibekalkan adalah RM100.00 dan CBP yang dikenakan adalah 6%.

Nilai	: RM100.00
6% CBP dikenakan (6% X RM100.00)	: <u>RM6.00</u> (cukai output)
Jumlah (harga termasuk 6% CBP)	: RM106.00

7. Seorang peruncit berdaftar perlu mengeluarkan invois cukai bagi setiap pembekalan bercukai barang atau perkhidmatan yang dibuat olehnya. Invois cukai perlu dikeluarkan dalam tempoh dua puluh satu hari selepas tarikh berlakunya pembekalan. Jika tiada invois cukai dikeluarkan dalam tempoh dua puluh satu hari, maka tarikh apabila berlakunya pembekalan itu akan menjadi masa pembekalan. Untuk maklumat lanjut mengenai invois cukai, sila rujuk kepada *Panduan Invois Cukai dan Penyimpanan Rekod*.

8. Seorang peruncit berdaftar dibenarkan untuk mengeluarkan suatu invois cukai dipermudahkan kepada pelanggan selain daripada invois cukai sepenuhnya. Jika pelanggan meminta agar nama dan alamatnya dimasukkan ke dalam invois cukai tersebut, maka peruncit dikehendaki mengeluarkan invois cukai sedemikian bagi pembekalan yang dibuat.

9. Invois cukai tidak perlu dikeluarkan bagi pembekalan berkadar sifar atau pembekalan yang dikecualikan. Jika peruncit berdaftar membuat pembekalan bercampur (contoh: berkadar standard, bekalan berkadar sifar dan bekalan dikecualikan), invois cukai perlu dikeluarkan. Invois cukai yang dikeluarkan itu mesti

menunjukkan CBP yang dikenakan atas bekalan berkadar standard dan tiada CBP dikenakan atas bekalan berkadar sifar dan bekalan dikecualikan.

10. Apabila peruncit berdaftar memperolehi bekalan bercukai daripada orang berdaftar yang lain untuk tujuan penerusan perniagaannya, orang berdaftar itu akan mengenakan CBP kepadanya. CBP yang dibayar (ditanggung) oleh peruncit berdaftar atas perolehannya adalah dipanggil sebagai **cukai input** yang mana peruncit itu berhak untuk menuntut kembali. Peruncit bukan berdaftar tidak berhak untuk menuntut kembali cukai input.

Contoh 2:

CBP ditanggung ke atas bekalan berkadar standard

Andaikan harga barang yang dibekalkan kepada peruncit berdaftar ialah RM106.00 termasuk 6% CBP.

<i>Harga (termasuk 6% CBP)</i>	<i>:</i>	<i>RM106.00</i>
<i>CBP yang ditanggung</i>	<i>:</i>	<i>RM6.00</i>
<i>(RM106.00 X 6%/106%)</i>		

11. Untuk menuntut cukai input yang ditanggung ke atas perolehannya, peruncit berdaftar mesti memegang invois cukai atau dokumen import atas namanya bagi perolehan tersebut.

12. Tanpa invois cukai, peruncit berdaftar tidak berhak untuk menuntut kembali cukai input walaupun barang itu telah diterima atau pembayaran telah dibuat. Jika peruncit berdaftar memegang invois cukai dipermudahkan, peruncit berdaftar hanya dibenarkan untuk menuntut cukai input dengan jumlah yang tidak melebihi RM30.00 bagi setiap invois cukai dipermudahkan.

13. Peruncit berdaftar bertanggungjawab untuk mengakaun kedua-dua cukai input dan cukai output dalam penyata (CBP 03) bagi tempoh bercukai apabila transaksi itu berlaku.

14. Dalam membuat tuntutan cukai input, orang berdaftar, dalam penyatannya akan menolak cukai input dibayar daripada cukai output dikenakan. Jika agregat cukai output lebih besar daripada agregat cukai input dalam tempoh cukai berkaitan

maka cukai bersih akan dibayar kepada kerajaan. Jika agregat cukai input adalah lebih besar daripada agregat cukai output, maka kerajaan akan membayar balik perbezaan kepada peruncit berdaftar.

15. Jika pembekal telah tersalah menginvois atau barang yang dibekalkan dipulangkan kembali, peruncit berdaftar perlu memohon nota debit atau nota kredit daripada pembekal dan membuat pelarasan yang perlu dalam penyata (CBP 03) bagi tempoh bercukai yang berkaitan.

HARGA

16. Oleh kerana peruncit berdaftar berhak menuntut kembali cukai input, maka CBP bukan menjadi kos kepada peruncit berdaftar. Oleh itu, kos barang atau perkhidmatan sebelum mengenakan CBP perlu bebas dari cukai input.

17. Elemen CBP yang ditanggung (dituntut sebagai cukai input) oleh peruncit berdaftar perlu ditolak daripada harga barang yang dibekalkan kepadanya sebelum peruncit berdaftar menambah nilai atas kos jualan. Ini penting kerana peruncit berdaftar telah menuntut amaun CBP ke atas perolehan barang dan CBP atas input juga tidak menjadi kos kepadanya.

Contoh 3:

Andaikan harga barang yang dibekalkan kepada peruncit berdaftar ialah RM106.00 termasuk CBP dan pada peringkat jualan berikutnya, peruncit berdaftar tersebut menambah nilai sebanyak 20% ke atas kos barang.

Harga (termasuk CBP) barang kepada peruncit berdaftar	:	RM106.00
6% termasuk CBP (cukai input ditanggung) (RM106.00 X 6%/106%)	:	<u>(RM6.00)</u>
Kos sebenar	:	RM100.00
20% nilai tambah dari kos sebenar (RM20% X RM100.00)	:	<u>RM20.00</u>
Nilai (kos) peringkat jualan	:	RM120.00
6% CBP dikenakan	:	<u>RM7.20</u>
Harga peringkat jualan	:	RM127.20

MASA PEMBEKALAN

18. (a) Pada umumnya, masa pembekalan barang ialah:-
- (i) masa apabila barang dialihkan jika barang hendak dialihkan; atau
 - (ii) masa apabila barang tersedia kepada orang yang kepadanya barang itu dibekalkan jika barang itu tidak dialihkan.
- (b) Dalam kes barang pada konsainan, masa pembekalan ialah pada masa apabila ia menjadi pasti bahawa pembekalan bercukai telah berlaku atau dua belas bulan selepas pengalihan, mengikut mana yang terdahulu.
- (c) Masa pembekalan bagi perkhidmatan ialah pada masa apabila perkhidmatan tersebut dilaksanakan.

NILAI PASARAN TERBUKA (NPT)

19. Nilai pasaran terbuka suatu barang atau perkhidmatan adalah nilai dalam bentuk wang bagi pembekalan barang atau perkhidmatan yang serupa yang ditawarkan secara bebas dan dibuat di antara orang yang tidak ada hubungan dengan pembekal. Nilai pasaran terbuka bermakna nilai yang telah diambilkira apa-apa cukai yang dikenakan dan yang patut dikenakan atas pembekalan barang atau perkhidmatan.

BALASAN

20. Balasan adalah sesuatu yang diberikan oleh seseorang atau orang lain sebagai pertukaran terhadap pembekalan barang atau perkhidmatan kepada seseorang itu. Balasan merangkumi pembayaran samada dalam bentuk wang tunai, mata ganjaran, kupon, baucar, barang atau perkhidmatan. Bagi balasan yang bukan dalam bentuk wang tunai samada sepenuhnya atau sebahagiannya, nilai balasan adalah nilai pasaran terbuka bahagian yang bukan dalam bentuk wang tunai. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada *Panduan Pembekalan* dan *Panduan Penilaian*.

TEMPOH BERCUKAI

21. Tempoh bercukai akan ditetapkan daripada salah satu kategori berikut apabila pendaftaran CBP diluluskan:-

- (a) tempoh satu bulan yang berakhir pada hari terakhir mana-mana bulan mana-mana tahun kalendar;
- (b) tempoh tiga bulan yang berakhir pada hari terakhir mana-mana bulan mana-mana tahun kalendar; atau
- (c) tempoh lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Kastam

LAYANAN CBP UNTUK INDUSTRI

JUALAN SECARA KONSAINAN


22. Jualan secara konsainan adalah salah satu aktiviti perdagangan di mana pengirim menghantar barang (barang konsainan) kepada penerima dan penerima hanya membayar kepada pengirim apabila barang tersebut telah dijual. Peringkat asas cukai bagi barang konsainan adalah pada tarikh penyata jualan dikeluarkan oleh penerima atau dua belas bulan selepas tarikh penghantaran barang atau mana yang lebih awal.

23. Jika pengirim mengeluarkan inuis cukai dalam tempoh 21 hari selepas peringkat asas cukai, maka masa pembekalan adalah tarikh inuis cukai dikeluarkan. Walau bagaimanapun jika inuis cukai dikeluarkan selepas tempoh 21 hari, maka masa pembekalan adalah peringkat asas cukai.

Contoh 4:

Pengilang kasut 'A' telah melantik kedai kasut 'B' untuk menjual beberapa jenis kasut keluarannya. Berdasarkan perjanjian, penghantaran kasut dari 'A' kepada 'B' adalah dibuat secara konsainann. Pada 5 April 2015, 'A' telah menghantar 300 pasang kasut kepada 'B' dan sehingga 11 April 2015 sebanyak 50 pasang kasut telah dijual oleh 'B'. Ilustrasi masa pembekalan untuk barang konsaimen yang dihantar oleh 'A' adalah seperti berikut:


Rajah 1: *Ilustrasi masa pembekalan untuk barang konsaimen jika 'B' mengeluarkan penyata jualan kepada 'A'.*



Jadual 1: *Masa pembekalan untuk barang konsaimen jika 'B' mengeluarkan penyata jualan kepada 'A'.*

<u>Tarikh</u>	<u>Aktiviti</u>
5 April 2015 (tarikh penghantaran)	Pengilang kasut berdaftar, 'A' menghantar 300 pasang kasut kepada kedai kasut, 'B'.
5 April 2015 hingga 11 April 2015.	'B' telah menjual 50 pasang kasut.
13 April 2015	'B' mengeluarkan penyata jualan bertarikh 13 April 2015 untuk 'A' bagi jualan yang dibuat dalam tempoh 5 April 2015 sehingga 11 April 2015. Peringkat asas cukai adalah 13 April 2015. Masa pembekalan ialah tarikh invois cukai jika 'A' keluaran invois cukai dalam tempoh 21 hari selepas 13 April 2015.
1 Mei 2015	'A' mengeluarkan invois cukai kepada 'B'. Masa pembekalan adalah 1 Mei 2015. Walau bagaimanapun jika 'A' keluaran invois cukai selepas 4 Mei 2015, maka masa pembekalan ialah 13 April 2015.

Rajah 2: Ilustrasi masa pembekalan untuk barang konsaimen jika 'B' tidak mengeluarkan penyata jualan kepada 'A' dalam tempoh dua belas bulan selepas tarikh penghantaran barang.



Jadual 2: Masa pembekalan untuk barang konsainan jika 'B' tidak mengeluarkan penyata jualan kepada 'A' dalam tempoh dua belas bulan selepas tarikh penghantaran barang.

<u>Tarikh</u>	<u>Aktiviti</u>
5 April 2015 (tarikh penghantaran)	Pengilang kasut berdaftar, 'A' menghantar 300 pasang kasut kepada kedai kasut, 'B'.
5 April 2016	'B' tidak mengeluarkan apa-apa penyata jualan kepada 'A' sehingga 5 April 2016 (12 bulan selepas tarikh penghantaran barang kepada 'B'). Peringkat asas cukai adalah 5 April 2016. Masa pembekalan ialah tarikh invois cukai jika 'A' keluarkan invois cukai dalam tempoh 21 hari selepas 5 April 2016.
7 April 2016	'A' mengeluarkan invois cukai kepada 'B'. Masa pembekalan adalah 7 April 2016 . Walau bagaimanapun jika 'A' keluarkan invois cukai selepas 26 April 2016, maka masa pembekalan ialah 5 April 2016.

BARANG BARTER (TUKAR-BELI)


24. Apabila transaksi melibatkan barang barter, balasan bagi pembekalan itu bukan secara keseluruhannya dalam bentuk wang. Maka balasan bagi pembekalan seperti ini, adalah agregat daripada:-

- (i) amaun wang sebagai bahagian daripada balasan dalam bentuk wang; dan
- (ii) nilai pasaran terbuka barang barter sebagai bahagian daripada balasan yang bukan dalam bentuk wang.

Contoh 5:

Peruncit berdaftar menjual kepada pembeli sebuah televisyen baru bernilai RM1,908.00 termasuk CBP. Sebagai pertukaran untuk televisyen baru pembeli menukar televisyen lama yang nilai pasaran terbukanya ditetapkan dengan nilai RM1,060.00 dan bakinya dibayar secara tunai.

Rajah 3: Aliran barang barter



Senario 1: Pembeli bukan orang berdaftar CBP;

Peruncit

Harga (termasuk CBP) televisyen baru	:	RM1,908.00
Balasan	:	
Tunai	:	RM848.00
Barang barter (televisyen lama)	:	<u>RM1,060.00</u>
Jumlah balasan	:	RM1,908.00
Termasuk 6% CBP	:	RM108.00
(RM1,908.00 X 6%/106%)		

Peruncit perlu mengakaunkan **RM108.00** sebagai cukai output.

Senario 2: Pembeli adalah orang berdaftar CBP.

Pembeli

Balasan diterima oleh pembeli = televisyen baru

Harga pasaran terbuka televisyen baru : RM1,908.00

Termasuk 6% CBP : RM108.00

RM1,908.00 X 6%/106%)

Kedua-dua-dua peruncit dan pembeli berdaftar perlu mengakaun cukai output seperti berikut:-

Peruncit – RM108.00

Pembeli – RM108.00

Kedua-dua peruncit dan pembeli berdaftar berhak untuk menuntut CBP yang ditanggung sebagai cukai input jika barang yang diperoleh digunakan untuk membuat pembekalan bercukai.

SEWA BELI

25. Di bawah urus niaga sewa-beli, pembelian barang akan melibatkan penyewa (pembeli), pembekal barang dan institusi kewangan yang menyediakan pinjaman bagi pembiayaan barang. Untuk tujuan CBP, terdapat dua pembekalan di bawah transaksi sewa beli. Pembekal barang membuat pembekalan barang dan institusi kewangan pula membuat pembekalan kredit (kewangan) kepada pembeli. Pembeli kemudiannya membayar kepada institusi kewangan secara ansuran. Untuk maklumat lanjut mengenai layanan CBP, sila rujuk *Panduan Sewa Beli dan Jualan Kredit*.

JUALAN KREDIT

26. Jualan kredit boleh melibatkan dua jenis transaksi:

- (i) Pembekal membuat kedua-dua pembekalan barang dan pembekalan kredit apabila barang itu dijual; atau
- (ii) Pembekal membuat pembekalan barang dan institusi kewangan

membuat pembekalan kredit.

Untuk maklumat lanjut mengenai layanan CBP, sila rujuk *Panduan Sewa Beli dan Jualan Kredit*.

PENGAMBILAN BALIK BARANG

27. Secara umumnya pengambilan semula barang merujuk kepada keadaan di mana pengambil semula (institusi kewangan) mengambil semula barang daripada penyewa (pembeli) yang telah digunakan sebagai cagaran, disewa atau dipajak dalam suatu transaksi. Apabila pengambil semula membekalkan barang itu, beliau dianggap telah membekalkan barang itu bagi pihak penyewa. Pengambil semula ini perlu mengenakan CBP ke atas pembekalan barang itu jika penyewa adalah orang kena cukai. CBP dikenakan perlu diakaun oleh pengambil semula walaupun dia bukan orang kena cukai. Walau bagaimanapun, bagi penyewa yang barangnya telah diambil semula tidak perlu mengakaun CBP atas pembekalan yang dibuat oleh pengambil semula itu.

28. Layanan CBP ke atas barang yang diambil semula bergantung kepada status penyewa dan penyata yang digunakan bergantung kepada status pengambil semula. Jadual di bawah menunjukkan layanan CBP dan penyata yang akan digunakan:

Jadual 3: layanan CBP dan borang yang akan digunakan:

<u>SENARIO</u>	<u>STATUS PENYEWA</u>	<u>PENGAMBIL SEMULA</u>	<u>CUKAI OUTPUT</u>	<u>BORANG BAYARAN</u>
1	Orang Kena Cukai	Orang Berdaftar	Dikenakan	CBP 03
2	Orang kena Cukai	Bukan orang berdaftar	Dikenakan	CBP 04
3	Bukan orang Kena cukai	Orang Berdaftar	Tidak Dikenakan	-
4	Bukan orang kena cukai	Bukan orang berdaftar	Tidak Dikenakan	-

BARANG YANG DIKEMBALIKAN

29. Pelanggan mungkin mengembalikan barang kepada peruncit jika dia tidak berpuas hati dengan barang atau barang tersebut telah rosak. Jika invois cukai telah dikeluarkan oleh peruncit bagi barang yang dipulangkan, peruncit perlu mengemukakan nota kredit apabila dia membuat bayaran balik termasuk bahagian CBP yang dibayar oleh pelanggan.

Contoh 6:

Seorang pembeli telah membeli 100 unit sardin dalam tin pada harga RM4.24/tin (termasuk CBP) daripada peruncit berdaftar. Peruncit telah mengeluarkan invois cukai bagi pembelian tersebut.

Harga barang : RM424.00
(100 X RM4.24)

Termasuk 6% CBP : RM24.00
(RM424.00 X 6%/106%)

*Peruncit mengakaunkan **RM24.00** sebagai cukai output beliau.*

Walau bagaimanapun, selepas sepuluh hari pembeli memulangkan 20 tin sardin kepada peruncit kerana kualiti rosak dan memohon pegembalian wang. Peruncit kemudian mengeluarkan nota kredit seperti berikut:

Harga barang : RM84.80
(20 X RM4.24)

Termasuk 6% CBP : RM4.80
(RM84.80 X 6%/106%)

Peruncit mengurangkan cukai output berjumlah RM4.80 untuk sardin yang rosak dan sebaliknya jika pelanggan adalah seorang orang berdaftar, dia perlu mengurangkan cukai inputnya dengan jumlah yang sama.

30. Dalam keadaan di mana barang yang kembali kemudiannya dijual, maka ia tertakluk kepada peraturan biasa CBP. Jika bekalan barang adalah pembekalan berkadar standard, peruncit perlu mengenakan CBP ke atas barang tersebut.


Manakala sekiranya pembekalan barang tersebut berkadar sifar, maka tiada CBP akan dikenakan atas pembekalan itu.

BARANG BAGI HARGA RUNCIT YANG DISYORKAN (HRD)

31. Kebiasaannya, harga runcit yang disyorkan adalah harga jualan yang dicadangkan oleh pengilang kepada peruncit bagi produk keluarannya yang dijual kepada pelanggan. Contoh barang runcit di bawah harga runcit yang disyorkan adalah seperti roti, rokok, surat khabar dan barang elektrik. Bagi maksud CBP, tidak ada layanan istimewa ke atas pembekalan barang harga runcit disyorkan. Peraturan biasa CBP adalah terpakai bagi barang seperti itu.

Contoh 7:

Rajah 4: Pembekalan barang harga runcit yang disyorkan (HRD) - roti




Jadual 4: Layanan CBP Untuk Harga Runcit Disyorkan - Roti.

Perkara	Penerangan
1	<p>Pengilang roti berdaftar membekalkan sebuku roti kepada peruncit 'A' dan 'B' pada harga RM2.12 termasuk CBP. Pengilang roti perlu mengakaun cukai output sebanyak RM0.12 atas setiap pembekalan yang dibuat kepada peruncit 'A' dan 'B'.</p> <p>Peruncit 'A' dan 'B' akan menanggung CBP atas pembelian roti dari pengilang roti. Peruncit berdaftar 'A' berhak menuntut cukai input berjumlah RM0.12 tetapi peruncit bukan berdaftar 'B' tidak</p>

	<i>berhak untuk menuntut cukai input.</i>
2	<p><i>Peruncit berdaftar 'A' membekalkan roti kepada pelanggan pada HRD RM2.65 termasuk CBP dan mengakaun cukai output berjumlah RM0.15 atas pembekalan yang dibuat. Kos perolehan roti oleh peruncit 'A' adalah RM2.00.</i></p> <p><i>Peruncit bukan berdaftar 'B' membekalkan roti kepada pelanggan pada HRD RM2.65 tetapi tiada CBP perlu diakaunkan. Kos perolehan roti oleh peruncit 'B' adalah RM2.12.</i></p>

Contoh 8:

Rajah 5: Pembekalan untuk Barang Harga Runcit Disyorkan (HRD) - Rokok.




Jadual 5: Layanan CBP Untuk Barang Harga Disyorkan -Rokok.

Perkara	Penerangan
1	<i>Pengilang rokok berdaftar membekalkan rokok pakej 20 batang kepada pengedar pada harga RM11.00 termasuk CBP. Pengilang rokok perlu mengakaun cukai output berjumlah RM0.62 atas pembekalan yang dibuat. Pengedar berdaftar berhak menuntut cukai input sebanyak RM0.62.</i>

2	<p><i>Pengedar berdaftar membekalkan rokok kepada peruncit 'A' dan 'B' pada harga RM11.50 termasuk CBP. Pengedar perlu mengakaun cukai output berjumlah RM0.65 atas setiap pembekalan yang dibuat kepada peruncit 'A' dan 'B'.</i></p> <p><i>Peruncit 'A' dan 'B' akan menanggung CBP atas pembelian rokok daripada pengedar. Peruncit berdaftar 'A' berhak menuntut cukai input berjumlah RM0.65 tetapi peruncit bukan berdaftar 'B' tidak berhak menuntut cukai input.</i></p>
3	<p><i>Peruncit berdaftar 'A' membekalkan rokok kepada pelanggan pada HRD RM12.10 termasuk CBP dan mengakaun cukai output berjumlah RM0.69 atas pembekalan yang dibuat. Kos perolehan rokok oleh peruncit 'A' adalah RM10.85.</i></p> <p><i>Peruncit bukan berdaftar 'B' membekalkan rokok kepada pelanggan pada HRD RM12.10 tetapi tiada CBP perlu diakaunkan ke atas pembekalan yang dibuat. Kos perolehan rokok oleh peruncit 'B' adalah RM11.50</i></p>

Contoh 9:

**Rajah 6: Pembekalan Untuk Barang Harga Disyorkan (HRD)-
Suratkhabar**




Jadual 6: Layanan CBP Barang Harga Yang Disyorkan - Suratkhobar.

Perkara	Penerangan
1	<p><i>Penerbit berdaftar membekalkan suratkhobar kepada vendor dengan harga RM1.06 termasuk CBP. Penerbit perlu mengakaun cukai output berjumlah RM0.06 atas pembekalan yang dibuat. Vendor berdaftar berhak untuk menuntut cukai input berjumlah RM0.06.</i></p>
2	<p><i>Vendor berdaftar membekalkan suratkhobar itu kepada peruncit 'A' dan 'B' pada harga RM1.20 termasuk CBP. Vendor perlu mengakaun cukai output berjumlah RM0.07 atas setiap pembekalan yang dibuat kepada peruncit 'A' dan 'B'.</i></p> <p><i>Peruncit 'A' dan 'B' akan menanggung CBP ke atas pembelian suratkhobar dari vendor. Peruncit berdaftar 'A' berhak menuntut cukai input berjumlah RM0.07 tetapi peruncit bukan berdaftar 'B' tidak berhak menuntut cukai input.</i></p>
3	<p><i>Peruncit berdaftar 'A' membekalkan suratkhobar kepada pelanggan pada HRD RM1.30 termasuk CBP dan mengakaun cukai output berjumlah RM0.07 atas pembekalan yang dibuat. Kos perolehan suratkhobar oleh peruncit 'A' adalah RM1.13.</i></p> <p><i>Peruncit 'B' bukan berdaftar membekalkan suratkhobar kepada pelanggan pada HRD RM1.30 tetapi tiada CBP yang dikenakan atas pembekalan yang dibuat. Kos perolehan suratkhobar oleh peruncit 'B' adalah RM1.20.</i></p>

Contoh 10:

Rajah 7: Pembekalan barang harga runcit yang disyorkan (HRD) – pembancuh kopi



Jadual 7: Layanan CBP Untuk Harga Runcit Disyorkan – pembancuh kopi

Perkara	Penerangan
1	<p>Pengilang berdaftar membekalkan pembancuh kopi kepada peruncit 'A' dan 'B' pada harga RM212.00 termasuk CBP. Pengilang perlu mengakaun cukai output sebanyak RM12.00 pada setiap pembekalan yang dibuat kepada peruncit 'A' dan 'B'.</p> <p>Peruncit 'A' dan 'B' akan menanggung CBP atas pembelian pembancuh kopi dari pengilang. Peruncit berdaftar 'A' berhak menuntut cukai input berjumlah RM12.00 tetapi peruncit bukan berdaftar 'B' tidak berhak untuk menuntut cukai input.</p>
2	<p>Peruncit berdaftar 'A' membekalkan pembancuh kopi kepada pelanggan pada HRD RM265.00 termasuk CBP dan mengakaun cukai output berjumlah RM15.00 atas pembekalan yang dibuat. Kos perolehan pembancuh kopi oleh peruncit 'A' adalah RM200.00.</p> <p>Peruncit bukan berdaftar 'B' membekalkan pembancuh kopi kepada pelanggan pada HRD RM265.00 tetapi tiada CBP perlu diakaunkan. Kos perolehan roti oleh peruncit 'B' adalah RM212.00.</p>

MEDAN SELERA

32. Medan Selera biasanya dilengkapi dengan kaunter bayaran berpusat untuk operasi gerai makanan. Jika setiap gerai makanan adalah entiti yang berasingan dan berdaftar dengan CBP, Operator Medan Selera hendaklah mengenakan CBP bagi pihak gerai makanan apabila pembeli membuat bayaran melaluinya atas pembekalan makanan. Tiada CBP perlu dikenakan jika bekalan makanan dibuat oleh gerai makanan yang bukan berdaftar

33. Operator medan selera kemudian memulangkan jumlah yang dikutip daripada pelanggan kepada gerai makanan, samada harian, mingguan atau bulanan. Masa pembekalan makanan yang dibuat oleh gerai makanan berdaftar adalah tarikh penyata jualan daripada operator medan selera. Gerai makanan berdaftar mengakaun CBP sebagai cukai output dan dia juga berhak untuk menuntut apa-apa cukai input yang ditanggung atas bekalan yang digunakan untuk membuat bekalan makanan.

34. Di pihak operator medan selera, dia biasanya membekalkan minuman dan perkhidmatan pengurusan kepada setiap gerai makanan yang beroperasi di medan selera. Jika operator medan selera berdaftar CBP, dia perlu mengenakan CBP atas bekalan minuman dan perkhidmatan pengurusan yang disediakan olehnya.

35. Untuk medan selera yang tidak mengamalkan kaunter bayaran berpusat, operator medan selera berdaftar dan gerai-gerai makanan berdaftar secara individu mengakaun CBP atas pembekalan yang dibuat oleh mereka dan menuntut cukai input atas perolehan input masing-masing.

AKTIVITI PENYEWAAN

36. Apabila peruncit menyewakan lot kedai atau ruang kepada penyewa dia akan mengenakan sewa bulanan. Peruncit perlu mengakaun CBP dari sewa bulanan dikenakan. Jika peruncit membuat apa-apa pengubahsuaian untuk lot kedai dan mengenakan bayaran kepada penyewa bagi kos pengubahsuaian, peruncit juga perlu mengakaun CBP atas kos pengubahsuaian yang dikenakan.

DISKAUN

Diskaun Harga

37. Ia adalah satu amalan perniagaan yang biasa bagi peruncit untuk menawarkan diskaun kepada pelanggannya bagi mempromosikan barangnya. Apabila diskaun ditawarkan untuk pembekalan bercukai, CBP perlu dikenakan ke atas nilai selepas diskaun. Walau bagaimanapun, jika barang dibekalkan kepada seseorang yang ada hubungkait dengan pembekal, CBP diakaun ke atas nilai pasaran terbuka barang yang dibekalkan.

Contoh 11:

Peruncit berdaftar membuat pembekalan baju pada harga RM106.00 termasuk CBP dan menawarkan diskaun 10% kepada pelanggan. CBP yang termasuk adalah seperti berikut:-

Harga (termasuk CBP) baju : RM106.00

10% diskaun : (RM10.60)
(10% X RM106.00)

Harga (termasuk CBP) selepas diskaun : RM95.40

Termasuk 6% CBP : **RM5.40**
(RM95.40 X 6%/106%)

*Peruncit mengakaun cukai output berjumlah **RM5.40**.*

Diskaun Pembayaran Segera

38. Diskaun pembayaran segera lazimnya diberi untuk menggalakkan pelanggan membayar awal walaupun satu bulan atau dua bulan tempoh kredit diberikan. Keadaan ini biasanya berlaku apabila pengeluar membuat pembekalan kepada peruncit. Layanan CBP bagi pembayaran segera adalah seperti di bawah.

Contoh 12:

Pengilang berdaftar membuat pembekalan barang pada harga RM1,060.00 termasuk CBP kepada peruncit dan mengakaun CBP sebagai cukai output

bagi barang yang dibekalkan pada jumlah penuh yang dinyatakan dalam invoice cukai. Terma pembayaran adalah seperti berikut:

Bayaran dalam tempoh 30 hari - diskaun 10%

Bayaran dalam tempoh 60 hari - diskaun 3%

Peruncit kemudian membayar dalam tempoh 30 hari dan oleh itu ia berhak mendapat diskaun 10%.

Harga (termasuk CBP) barang : RM1,060.00

Termasuk 6% CBP : **RM60.00**
(RM1,060.00 X 6%/106%)

Diskaun 10% : (RM106.00)
(10% X RM1,060.00)

Harga (termasuk CBP) selepas diskaun : RM 954.00

Termasuk 6% CBP : **(RM54.00)**
(RM954.00 X 6%/106%)

Beza CBP : **RM6.00**

Jika CBP berjumlah RM60.00 telah dibayar oleh pengilang, dia kini berhak untuk mengurangkan cukai output berjumlah RM6.00 dengan syarat nota kredit telah dikeluarkan. Cukai output perlu diselaraskan dalam penyata bagi tempoh bercukai di mana nota kredit telah dikeluarkan.

Jika peruncit adalah orang berdaftar, beliau juga perlu mengurangkan cukai inputnya berjumlah RM6.00 berdasarkan nota kredit yang dikeluarkan oleh pengilang.

Diskaun Pukal

39. Dalam beberapa kes, pemborong mungkin memberikan diskaun pukal kepada peruncit apabila peruncit itu membeli barang secara pukal. Contoh-contoh berikut menunjukkan layanan CBP bagi diskaun pukal.

Contoh 13:

- (a) Apabila peruncit membeli lebih daripada 150 unit barang dalam satu pembelian, dia layak untuk mendapat diskaun 10% atas pembelian itu. Peruncit membeli 200 unit barang dari pemborong berdaftar pada harga RM106.00 seunit termasuk CBP.

Harga (termasuk CBP) seunit	:	RM106.00
Jumlah dibeli	:	200 units
Jumlah Harga (termasuk CBP) (200 X RM106.00)	:	RM21,200.00
Diskaun pukal 10% (10% X RM21,200.00)	:	<u>(RM2,120.00)</u>
Jumlah harga selepas diskaun	:	RM19,080.00
Termasuk 6% CBP (RM19,080.00 X 6%/106%)	:	RM1,080.00

Pemborong mengakaun cukai output berjumlah RM1,080.00.

- (b) Dalam contoh ini, peruncit berhak kepada diskaun pukal 10% apabila beliau membeli lebih daripada 1,500 unit barang dalam tempoh sebulan.

Harga (termasuk CBP) seunit	:	RM106.00
Jumlah dibeli	:	2,500 unit sebulan
Pembekalan	:	pertama - 500 unit
		kedua - 600 unit
		ketiga - 100 unit
		keempat - 500 unit
		kelima - 800 unit

Bagi tiga bekalan pertama, pemborong akan mengenakan dan mengakaun CBP dari harga penuh barang. Walau bagaimanapun, apabila bekalan keempat dibuat, peruncit kini berhak mendapat diskaun pukal 10% atas

pembekalan itu. Pemborong mengakaun CBP dari harga selepas diskaun bagi bekalan keempat dan kelima seperti berikut:

Pembekalan keempat:

Harga (termasuk CBP) sebelum diskaun : RM53,000.00
(500 X RM106.00 se unit)

Tolak diskaun 10% : (RM5,300.00)
(10% X RM53,000.00)

Harga (termasuk CBP) selepas diskaun : RM47,700.00

Termasuk 6% CBP : RM2,700.00
(RM47,700.00 X 6%/106%)

Pemborong mengakaun cukai output berjumlah RM2,700.00.

Pembekalan kelima:

Harga (termasuk CBP) sebelum diskaun : RM84,800.00
(800 X RM106.00 se unit)

Tolak diskaun 10% : (RM8,480.00)
(10% X RM84,800.00)

Harga (termasuk CBP) selepas diskaun : RM76,320.00

Termasuk 6% CBP : RM4,320.00
(RM76,320.00 X 6%/106%)

Pemborong mengakaun cukai output berjumlah RM4,320.00

Pelarasan

Pembekalan pertama:

Harga (termasuk CBP) sebelum diskaun : RM53,000.00
(500 X RM106.00 se unit)

Termasuk 6%CBP : RM3,000.00
(RM53,000.00 X 6%/106%)

Tolak diskaun 10% : (RM5,300.00)
(10% X RM53,000.00)

Harga (termasuk CBP) selepas diskaun	:	RM47,700.00
Termasuk 6% CBP (RM47,700.00 X 6%/106%)	:	RM2,700.00
Beza CBP	:	RM300.00

Pembekalan kedua:

Harga (termasuk CBP) sebelum diskaun (600 X RM106.00 per unit)	:	RM63,600.00
Termasuk 6%CBP (RM63,600.00 X 6%/106%)	:	RM3,600.00
Tolak diskaun 10% (10% X RM63,600.00)	:	<u>(RM6,300.00)</u>
Harga (termasuk CBP) selepas diskaun	:	RM57,240.00
Termasuk 6% CBP (RM57,240.00 X 6%/106%)	:	RM3,240.00
Beza CBP	:	RM360.00

Pembekalan ketiga:

Harga (termasuk CBP) sebelum diskaun (100 X RM105.00 per unit)	:	RM10,600.00
Termasuk 6%CBP (RM10,600.00 X 6%/106%)	:	RM600.00
Tolak diskaun 10% (10% X RM10,600.00)	:	<u>(RM1,060.00)</u>
Harga (termasuk CBP) selepas diskaun	:	RM9,540.00
Termasuk 6% CBP (RM9,540.00 X 6%/106%)	:	<u>(RM540.00)</u>
Beza CBP	:	RM60.00

Oleh kerana CBP telah diakaunkan atas jumlah penuh bagi tiga jualan pertama dan peruncit kini berhak mendapat diskaun pukal 10%, maka pemborong berhak untuk mengurangkan cukai output sebanyak RM720.00

(RM300.00 + RM360.00 + RM60.00) dengan syarat nota kredit telah dikeluarkan. Cukai output diselaraskan dalam tempoh bercukai di mana nota kredit telah dikeluarkan. Jika peruncit adalah orang berdaftar, beliau juga perlu mengurangkan cukai inputnya berjumlah RM720.00 mengikut nota kredit yang dikeluarkan oleh pemborong.

PROMOSI LAIN

Barang Percuma Diikat Bersama

40. Apabila seseorang membeli barang dengan barang percuma diikat bersama, nilai barang diikat bersama dikira sebagai telah termasuk dalam harga barang utama yang dibekalkan.

Contoh 14:

Senario 1: Jika kedua-dua diikat bersama dan barang utama berkadar standard

Barang utama - Ubat gigi (kadar standard)

Barang Diikat bersama (percuma) - Berus gigi (kadar standard)

Oleh kerana barang utama adalah pembekalan berkadar standard, CBP dikenakan atas pembekalan itu. Jika barang utama bersama dengan barang percuma diikat bersama berharga RM6.36 termasuk CBP, CBP perlu diakaun dari RM6.36. Barang diikat bersama dan barang utama dianggap sebagai satu bekalan.

Harga (termasuk CBP) ubat gigi : RM6.36

Termasuk 6% CBP : **RM0.36**

(RM6.36 X 6%/106%)

Peruncit berdaftar mengakaun cukai output berjumlah RM0.36

Senario 2: Jika barang diikat bersama adalah berkadar standard dan barang utama adalah berkadar sifar.

Barang utama - Beras (berkadar sifar)

Barang diikat bersama (percuma) - pinggan (berkadar standard)

Oleh kerana barang utama adalah pembekalan berkadar sifar, CBP tidak dikenakan atas pembekalan tersebut. Jika barang utama dan barang 'tie-in' berharga RM30.00, tiada CBP dikenakan atas RM30.00 kerana barang utama berkadar sifar.

Harga barang dengan barang percuma : RM30.00
diikat bersama (+0% CBP)

0% CBP : RM0

Pembelian dengan Pembelian

41. Ini adalah satu bentuk promosi jualan untuk menggalakkan pelanggan membeli barang terpilih jika pelanggan itu membeli barang lebih daripada suatu nilai tertentu dan dia seterusnya layak untuk diskaun apabila dia membeli barang yang terpilih itu.

Contoh 15:

Sebuah Pasar raya besar mengadakan promosi skim pembelian dengan pembelian. Jika pelanggan membeli barang dengan nilai lebih daripada RM100 dalam satu resit, dia layak untuk membeli 2 kg Milo pada harga RM31.80 termasuk CBP berbanding harga asal RM33.00.

Harga (termasuk CBP) Milo : RM31.80

Termasuk 6% CBP : **RM1.80**

(RM31.80 X 6%/106%)

Pasar raya besar mengakaun cukai output berjumlah RM1.80.

Hadiah

42. Adalah menjadi amalan biasa perniagaan memberikan hadiah percuma kepada pelanggan. Hadiah percuma adalah barang yang biasanya diberikan kepada pelanggan pada hari istimewa atau perayaan seperti *door gifts* dan juga hadiah yang diberikan secara percuma semasa cabutan bertuah.

43. Apabila pemberian hadiah perniagaan (barang) diberi secara percuma kepada mana-mana orang, kos hadiah adalah terhad kepada RM500.00 sahaja kepada seorang dalam tahun yang sama. Jika kos hadiah itu melebihi daripada

RM500.00 dan diberikan kepada orang yang sama dalam tahun yang sama, peruncit perlu mengakaun cukai output walaupun hadiah itu diberikan percuma. Jika kos hadiah tersebut adalah RM500.00 atau kurang, hadiah itu tidak tertakluk kepada CBP. Dalam kedua-dua keadaan, peruncit boleh menuntut cukai input yang ditanggung atas pembelian hadiah dengan syarat bahawa hadiah yang diberikan percuma itu adalah untuk tujuan perniagaan. Tiada CBP perlu dikenakan jika hadiah itu dalam bentuk perkhidmatan percuma (bukan pembekalan).

Contoh 16:

Peruncit berdaftar menjalankan cabutan bertuah dan pemenang layak mendapat hadiah televisyen bernilai RM636.00 termasuk CBP. Peruncit perlu mengakaun cukai output berjumlah RM36.00 ($RM636.00 \times 6\% / 106\%$). Beliau juga berhak untuk menuntut cukai input yang ditanggung atas pembelian televisyen.

44. Ada ketikanya promosi barang tertentu mungkin melibatkan perkongsian kos hadiah percuma antara pembekal dan peruncit. Jika peruncit membeli hadiah itu, beliau berhak menuntut cukai input yang ditanggung. Sebaliknya, jika pembekal membeli hadiah itu, maka dia berhak untuk menuntut cukai input yang ditanggung. Apabila pembekal memberikan hadiah kepada peruncit untuk pengedaran sebagai hadiah percuma kepada pelanggan, maka ianya tidak menjadi suatu pembekalan dan tiada CBP dikenakan. Sebarang perkongsian kos hadiah berikutnya akan diselesaikan di antara peruncit dan pembekal tanpa memasukkan elemen CBP.

Sampel

45. Jika barang dibekalkan kepada peruncit sebagai sampel komersial dalam bentuk yang biasanya tidak tersedia untuk dijual kepada orang ramai, sampel percuma tidak tertakluk kepada CBP dengan syarat:-

- (a) sampel mesti dicop dengan perkataan "**Sampel. Bukan Untuk Jualan**";
- (b) sampel harus mudah dibezakan daripada produk komersial;
- (c) samada pembekal mahupun peruncit tidak mengenakan CBP atas sampel;

- (d) sampel yang diberikan adalah untuk promosi perniagaan;
- (e) sampel adalah hak pembekal sehingga mereka diberikan kepada pelanggan; dan
- (f) baki sampel perlu dikembalikan kepada pembekal.

Walau bagaimanapun, jika peruncit menjual sampel komersial, beliau perlu mengenakan CBP dan mengakaun cukai output atas sampel komersial.

BAUCAR/KUPON/SETEM/TOKEN


46. Untuk tujuan CBP, baucar adalah termasuk apa-apa baucar, setem (selain setem pos), kupon, token atau apa-apa kemudahan yang serupa. Baucar boleh dikategori kepada baucar tunai atau baucar bukan tunai. Baucar tunai adalah baucar yang menyatakan nilai kewangan (nilai muka) di atasnya manakala baucar bukan tunai adalah baucar yang menyatakan bahawa pemegang itu berhak untuk menerima barang atau perkhidmatan tertentu yang dinyatakan dalam baucar apabila dia menebus baucar tersebut.

Baucar tunai

47. Untuk tujuan CBP, balasan kerana membekalkan baucar tunai sehingga nilai muka baucar adalah diabaikan dan tidak dikenakan CBP atas pembekalan itu. Jika baucar tunai dijual pada harga lebih daripada nilai muka, pembekal perlu mengenakan dan mengakaun CBP atas perbezaan di antara nilai jualan dan nilai muka.

48. Apabila pelanggan menebus baucar tunai bagi mendapatkan barang atau perkhidmatan daripada peruncit, barang atau perkhidmatan yang ditebus adalah tertakluk kepada CBP. Peruncit perlu mengenakan CBP atas nilai barang atau perkhidmatan jika barang atau perkhidmatan merupakan pembekalan berkadar standard. Tiada CBP dikenakan atas pembekalan berkadar sifar dan dikecualikan. Kadangkala, pelanggan boleh menggunakan baucar tunai sebagai sebahagian daripada bayaran untuk barang yang dibeli dan membayar baki dalam bentuk tunai. Dalam keadaan ini, CBP dikenakan ke atas nilai bekalan yang dibayar menggunakan baucar tunai dan juga wang tunai.

Rajah 8: Ilustrasi pembekalan dan penebusan baucar tunai



Contoh 17:

Merujuk kepada rajah 8.

Urusniaga 1

(a) Pengeluar berdaftar menjual baucar tunai ' V_M ' RM100.00 kepada pelanggan. Jika:

- (i) harga jualan sehingga kepada nilai muka (RM100.00), maka harga jualan (balasan) tidak diambil kira dan tiada CBP perlu diakaun oleh pengeluar itu; atau
- (ii) harga jualan adalah lebih daripada nilai muka (contoh: RM102.00), CBP diakaunkan dari jumlah perbezaan sebanyak RM2.00

Harga jualan (balasan) : RM102.00

Nilai muka : RM100.00

Beza : RM2.00

Termasuk 6% CBP : RM0.11
(RM2.00 X 6%/106%)

Pengeluar perlu mengakaun cukai output berjumlah RM0.11

- (b) Jika baucar tunai 'V_M' RM100.00 diberi percuma kepada pelanggan, baucar tunai ini tidak tertakluk kepada CBP.

Urusniaga 2

Pelanggan menebus baucar tunai 'V_M' RM100.00 untuk dapatkan barang atau perkhidmatan '**G_R/S_R**' dari penebus berdaftar. Jika barang atau perkhidmatan adalah berkadar standard, CBP perlu diakaun oleh penebus daripada balasan atas barang atau perkhidmatan yang dibekalkan.

- (i) Pelanggan menebus baucar tunai RM100.00 dengan tambahan tunai RM50.00 bagi satu barang atau perkhidmatan "**G_R/S_R**" berkadar standard bernilai RM150.00 termasuk CBP dari seorang penebus berdaftar.

Harga:		RM150.00
Balasan:	Baucar	RM100.00
	Tunai	<u>RM50.00</u>
	Jumlah	RM150.00
Termasuk 6% CBP		RM8.49
(RM150.00 X 6%/106%)		

Penebus perlu mengakaun cukai output berjumlah RM8.49

- (ii) Pelanggan menebus baucar RM100.00 bagi barang atau perkhidmatan '**G_R/S_R**' berkadar standard bernilai RM100.00 termasuk CBP dari penebus berdaftar.

Harga		RM100.00
Balasan	Baucar	<u>RM100.00</u>
	Jumlah	RM100.00
Termasuk 6% CBP		RM5.66
(RM100.00 X 6%/106%)		

Penebus perlu mengakaun cukai output berjumlah RM5.66

- (iii) *Pelanggan menebus baucar tunai RM100.00 bagi barang atau perkhidmatan 'G_R/S_R' berkadar standard bernilai RM95.40 termasuk CBP dari penebus berdaftar dan baki tidak dikembalikan kepada pelanggan.*

Nota: Jumlah balasan yang berkaitan dengan bekalan adalah hanya RM95.40.

<i>Harga</i>	<i>:</i>	<i>RM95.40</i>
<i>Balasan</i>	<i>:</i>	<i><u>RM95.40</u></i>
<i>Termasuk 6% CBP</i>	<i>:</i>	<i><u>RM5.40</u></i>
<i>(RM95.40 X 6%/106%)</i>		

Penebus perlu mengakaun cukai output berjumlah RM5.40

Urusniaga 3

Pengeluar berdaftar membayar balik RM100.00 (bersamaan dengan nilai muka baucar tunai) kepada penebus berdaftar. Tiada CBP boleh dikenakan ke atas pembayaran balik tersebut kerana tiada pembekalan yang dibuat.

Baucar/Kupon bukan tunai

49. Baucar atau kupon bukan tunai adalah baucar/kupon yang melayakkan pemegang untuk mendapatkan produk atau perkhidmatan tertentu yang dinyatakan dalam baucar tersebut apabila pemegang menebus baucar bukan tunai. Peruncit mungkin mengeluarkan baucar bukan tunai secara percuma yang memberi hak kepada pemegang untuk mendapatkan produk atau perkhidmatan tertentu daripadanya atau dari rakan perniagaan lain mengikut terma yang ditetapkan. Untuk tujuan CBP, pemberian:-

- (a) baucar bukan tunai bagi **perkhidmatan** (ditebus untuk perkhidmatan)
- (i) Jika pembekalan baucar bukan tunai bagi **perkhidmatan** dibuat **dengan balasan**, pembekalan baucar ini dianggap sebagai suatu pembekalan perkhidmatan yang dinyatakan dan CBP dikenakan jika pembekalan itu suatu pembekalan berkadar


standard. Sebagai contoh, seorang pelanggan membeli baucar percutian RM500 yang memberikan hak kepada beliau untuk tinggal di hotel selama 3 hari dan 2 malam.

- (ii) Jika pembekalan baucar bukan tunai bagi **perkhidmatan** dibuat **tanpa apa-apa balasan**, pembekalan baucar ini bukan merupakan pembekalan dan tiada CBP dikenakan. Sebagai contoh, peniaga memberi tiket pawagam percuma kepada pelanggan.
- (b) baucar bukan tunai bagi **barang** (ditebus untuk barang)
 - (i) Jika pembekalan baucar bukan tunai bagi **barang** dibuat **dengan balasan**, pembekalan baucar itu dianggap sebagai suatu pembekalan barang yang dinyatakan dan CBP dikenakan jika pembekalan itu ialah suatu pembekalan berkadar standard. Sebagai contoh, seorang bapa membeli baucar hari jadi untuk anaknya di mana anaknya berhak ke mendapatkan telefon bimbit.
 - (ii) Jika pembekalan baucar bukan tunai dibuat **tanpa balasan**, pembekalan baucar ini adalah tertakluk kepada syarat hadiah. Jika nilai barang yang dinyatakan dalam baucar adalah lebih daripada RM500, pembekalan baucar adalah tertakluk kepada CBP. Jika nilai barang adalah sehingga RM500, pembekalan baucar itu tidak tertakluk kepada CBP. Sebagai contoh, peniaga membekalkan baucar hadiah secara percuma kepada pelanggan untuk promosi perniagaannya di mana pemegang baucar berhak mendapatkan cawan kaca bernilai RM10.00. Pembekalan baucar itu tidak tertakluk kepada CBP.

50. Apabila bayaran yang diterima sebagai balasan kerana pembekalan baucar atau kupon bukan tunai, peruncit perlu untuk mengenakan dan mengakaun CBP kecuali bagi pembekalan baucar atau kupon bukan tunai untuk penebusan pembekalan berkadar sifar dan dikecualikan. Balasan untuk baucar bukan tunai dianggap sebagai bayaran pendahuluan bagi barang atau perkhidmatan yang akan

dibekalkan pada masa akan datang. Tiada CBP akan dikenakan apabila barang atau perkhidmatan itu ditebus.

Rajah 9: Ilustrasi pembekalan dan penebusan baucar bukan tunai



Contoh 18:

Merujuk kepada rajah 9

Urusniaga 1

- (i) Pengeluar berdaftar membekalkan baucar bukan tunai 'V_N' untuk penebusan barang atau perkhidmatan berkadar standard 'G_R/S_R' bernilai RM150.00 termasuk CBP kepada pelanggan dengan balasan. CBP perlu diakaun dari jumlah balasan. Pengiraan CBP adalah seperti berikut:

Balasan : RM150.00

Termasuk 6% CBP : RM8.49

(RM150.00 X 6%/106%)

Pengeluar perlu mengakaun cukai output berjumlah RM8.49.

- (ii) Jika pengeluar berdaftar membekalkan baucar bukan tunai 'V_N' untuk penebusan barang atau perkhidmatan 'G_R/S_R' berkadar sifar atau dikecualikan, tiada CBP dikenakan.

Urusniaga 2

Pelanggan menebus baucar bukan tunai 'V_N' untuk barang atau perkhidmatan, 'G_R/S_R'. CBP tidak perlu dikenakan atau diakaunkan

atas bekalan yang dibuat kerana CBP telah dikenakan pada masa baucar itu dibekalkan.

Urusniaga 3

Pengeluar berdaftar membayar balik RM150.00 kepada penebus berdaftar. CBP tidak boleh dikenakan ke atas pembayaran balik RM150.00 kerana pembayaran adalah bagi barang atau perkhidmatan, 'G_R/S_R' yang dibekalkan oleh penebus kepada pelanggan. CBP sudah dikenakan pada masa baucar 'V_N' itu dibekalkan.

Baucar Diskaun (Baucar tunai)

51. Bagi tujuan CBP, baucar diskaun hendaklah menyatakan jumlah diskaun yang patut diberikan samada dari segi nilai wang atau peratusan. Apabila pembeli membeli suatu barang dan ia layak mendapat diskaun maka peruncit perlu mengakaun CBP atas nilai selepas diskaun bagi barang tersebut.

Contoh 19:

- (a) Seorang pembeli menebus Baucar diskaun RM5 apabila dia membeli periuk berharga RM110.00 termasuk CBP. Peruncit mengakaun CBP seperti berikut:

Harga (termasuk CBP) barang	:	RM110.00
Tolak diskaun (baucar)	:	<u>(RM5.00)</u>
Harga selepas diskaun	:	RM105.00
Termasuk 6% CBP	:	RM5.94
(RM105.00 X 6%/106%)		

Peruncit mengakaun CBP sebanyak RM5.94.

- (b) Seorang pembeli menerima baucar diskaun yang melayakkan beliau untuk diskaun 10% jika dia membeli ketuhar berharga RM520.00 termasuk CBP. Peruncit mengakaun CBP seperti berikut:

Harga (termasuk CBP) barang	:	RM520.00
------------------------------------	---	----------


<i>Tolak 10% diskaun (baucar)</i>	:	<u>(RM52.00)</u>
Harga selepas diskaun	:	RM468.00
<i>Termasuk 6% CBP</i>	:	RM26.49
<i>(RM105.00 X 6%/106%)</i>		

Peruncit mengakaun CBP sebanyak RM26.49.

Kupon *Cash-back* (Baucar tunai)

52. Ini adalah satu skim di mana pengilang membuat perakuan untuk membayar balik wang tunai kepada pelanggan apabila pelanggan membeli produk keluarannya. Selepas membeli produk pengilang, pelanggan menghantar kupon *cash-back* terus kepada pengilang (menunjukkan bukti pembelian). Kemudian, pengilang membayar balik wang tunai kepada pelanggan dengan jumlah yang bersamaan dengan nilai kupon rebat tunai. Rajah di bawah adalah ilustrasi transaksi kupon rebat tunai.

Rajah 10: Pengilang mengedarkan kupon rebat tunai dan penebusan berikutnya dilakukan terus kepada pengilang




53. Kos pembekalan bagi pengilang berkurangan disebabkan oleh pemulangan tunai. Pengilang berdaftar berhak keatas kredit cukai input berjumlah bahagian cukai daripada nilai kupon *cash-back*.

54. Dalam kes pelanggan adalah seorang orang berdaftar dan dia telah menuntut cukai input atas pembekalan produk pengilang yang berkaitan, beliau bertanggungjawab untuk mengakaun cukai output berjumlah bahagian cukai daripada nilai kupon rebat tunai yang beliau terima.

Kupon tolak harga ('*money-off*') (Baucar tunai)

55. Pengilang mengeluarkan kupon tolak harga atas namanya bagi membolehkan peruncit menerima kupon tersebut sebagai kupon diskaun mengikut nilai yang dinyatakan apabila kupon itu dikemukakan oleh pelanggan ketika pelanggan membeli produk pengilang dari peruncit. Rajah di bawah adalah ilustrasi transaksi kupon tolak harga.

Rajah 11: Pengilang mengedarkan kupon tolak harga dan penebusan berikutnya dilakukan melalui peruncit



56. Untuk tujuan CBP, kupon tolak harga dianggap sebagai kupon diskaun dengan nilai muka yang dinyatakan pada kupon. Balasan yang diterima oleh peruncit bagi pembekalan barang kepada pelanggan adalah harga selepas diskaun. CBP perlu diakaun mengikut balasan yang diterima.

Contoh 20:

Harga (termasuk CBP)	:	RM2,108.00
Kupon tolak harga	:	(RM200.00)
Balasan	:	RM1,908.00
6% CBP diakaun (RM1,908.00 X 6%/106%)	:	RM108.00

57. Seterusnya peruncit menebus kupon tolak harga terus kepada pengilang untuk mendapatkan bayaran balik diskaun bagi pembekalan produk pengilang. Oleh itu, kos produk dari pengilang akan berkurangan disebabkan oleh pembayaran balik yang dibuat. Oleh kerana CBP telah diakaun pada jumlah penuh oleh pengilang ketika pembekalan sebelumnya, pengilang berhak atas kredit cukai input berjumlah bahagian cukai daripada nilai kupon tolak harga. Peruncit berdaftar yang menerima bayaran balik juga dikehendaki untuk mengakaun cukai output jika dia telah menuntut cukai input atas produk pengilang yang berkaitan.

Setem (Baucar tunai) - Selain setem pos

58. Setem diberi percuma kepada pembeli apabila mereka membeli barang tertentu dari pembekal. Pembeli akan mengumpul setem dan menebus setem-setem tersebut dengan barang atau perkhidmatan. Untuk tujuan CBP, pemberian setem tidak tertakluk kepada CBP. Selepas mengumpul sebilangan setem, pembeli layak untuk menebus barang atau perkhidmatan dan penebusan ini adalah tertakluk kepada CBP jika barang atau perkhidmatan tersebut tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

Contoh 21:

Sebuah pasaraya besar menjalankan program promosi untuk menggalakkan pembeli mengumpul 100 setem bagi melayakkan pembeli mendapatkan periuk percuma bernilai RM15.90 iaitu harga pasaran terbuka. Setiap setem diberi percuma bagi setiap pembelian barang bernilai RM20.00 di pasaraya besar tersebut. Pembekalan periuk semasa penebusan adalah tertakluk kepada CBP.

Nilai pasaran terbuka untuk periuk : RM15.90

*6% CBP diakaun : RM0.90
(RM15.90 X 6%/106%)*

Balasan : 100 stamps

Pasaraya Besar perlu mengakaunkan CBP sebanyak RM0.90

Kadangkala, pembeli mungkin mempunyai bilangan setem yang tidak mencukupi untuk menebus barang. Dalam kes ini, peruncit membenarkan

pembeli untuk menebus barang dengan syarat pembeli membayar dengan wang tunai tambahan. Untuk tujuan CBP, peruncit diperlukan mengakaunkan CBP pada harga pasaran terbuka barang ditebus.

Contoh 22:

Dalam contoh di atas, pasaraya besar membenarkan pembeli menebus periuk memasak jika pembeli telah mengumpul 50 setem dan dengan syarat bahawa dia membayar jumlah tunai tambahan sebanyak RM8.90. Pasaraya besar mengakaun CBP seperti berikut:

<i>Nilai pasaran terbuka untuk periuk</i>	<i>:</i>	<i>RM15.90</i>
<i>Balasan</i>		
<i>Tunai</i>	<i>:</i>	<i>RM8.90</i>
<i>50 setem (bersamaan dengan RM7.00)</i>	<i>:</i>	<i><u>RM7.00</u></i>
<i>Jumlah Balasan</i>	<i>:</i>	<i>RM15.90</i>
<i>6% CBP diakaun</i>	<i>:</i>	<i>RM0.90</i>
<i>(RM15.90 X 6%/106%)</i>		

Pasaraya Besar perlu mengakaunkan CBP sebanyak RM0.90

Token (Baucar bukan tunai)

59. Token boleh dalam bentuk sekeping logam atau kad plastik yang mempunyai nilai tertentu untuk menebus barang atau perkhidmatan pada masa hadapan. Untuk tujuan CBP, token dikira sebagai baucar bukan tunai. Oleh itu, CBP diakaun pada masa token itu dibekalkan. Tiada CBP dikenakan apabila token ditebus.

Contoh 23:


Contoh token adalah:

Token letak kereta, token perjudian, token untuk permainan dan apa-apa yang seumpamanya yang boleh ditebus untuk barang atau perkhidmatan.

MATA GANJARAN

60. Program mata ganjaran merupakan satu skim yang direka untuk meningkatkan perolehan dan mengekalkan kesetiaan pelanggan (ahli program). Ini dilakukan dengan mengaitkan pembelian dengan mata ganjaran. Terdapat beberapa susunatur dalam menjalankan program mata ganjaran. Mata ganjaran dan juga ganjaran akan diperuntukkan oleh operator program atau dalam kes-kes lain oleh pihak ketiga, melalui kontrak, untuk memberikan mata ganjaran dan juga ganjaran yang mana mereka menerima bayaran daripada operator program. Program mata kesetiaan mungkin melibatkan operator program yang dikontrakkan oleh rakan program untuk menyediakan mata ganjaran kepada ahli-ahli program dan juga seorang penebus yang dikontrakkan untuk memberi ganjaran kepada ahli-ahli. Rajah di bawah adalah contoh-contoh susunatur program mata ganjaran.

Rajah 12: Ilustrasi susunatur program mata ganjaran berbilang-parti




Jadual 8: Layan CBP bagi susunatur program mata ganjaran berbilang-parti

Perkara	Keterangan	Layanan CBP
1	Operator program menyediakan keahlian program mata ganjaran kepada ahli dan mengenakan bayaran perkhidmatan (yuran keahlian)	Bayaran bagi yuran keahlian yang dibuat oleh ahli kepada operator program adalah bayaran untuk perkhidmatan (keahlian program mata ganjaran) dan CBP perlu diakaun daripada yuran yang dikenakan oleh operator program.
2	Operator Program menyediakan sistem mata ganjaran, 'S _p ' (perkhidmatan) kepada rakan program. Perkhidmatan yang dibekalkan juga boleh termasuk bayaran lain seperti bayaran pemasaran, promosi atau pentadbiran.	Bayaran yang dibuat oleh rakan program kepada operator program (atau entiti yang dilantik bagi pihaknya) adalah pembayaran bagi pembekalan perkhidmatan yang disediakan oleh operator program dan CBP perlu diakaun oleh operator program daripada pembayaran yang dibuat. Rakan program berdaftar berhak kepada kredit cukai input.
3	Ahli membuat pembelian barang atau perkhidmatan, 'G/S' daripada rakan program dan seterusnya operator	Bayaran yang dibuat oleh ahli adalah untuk harga barang atau perkhidmatan, 'G/S' dan dia tidak membayar apa-apa tambahan untuk mata ganjaran. (laitu harga yang dibayar untuk 'G/S' adalah

	<p>program memperuntukkan mata ganjaran, 'P' kepada ahli.</p>	<p>sama seperti untuk bukan ahli). Oleh itu:</p> <p>(i) Pembekalan barang atau perkhidmatan, 'G/S' oleh rakan program adalah tertakluk kepada CBP; dan</p> <p>(ii) Peruntukan mata ganjaran daripada operator program kepada ahli adalah bekalan perkhidmatan yang dibuat tanpa balasan dan tiada CBP perlu diakaun oleh operator program.</p>
4	<p>Penebus membekal ganjaran (iaitu barang atau perkhidmatan, 'G_R/S_R') kepada ahli dalam pertukaran mata ganjaran, P.</p>	<p>Ganjaran sebenarnya (yakni barang atau perkhidmatan, 'G_R/S_R') bergantung kepada bilangan mata yang ditebus oleh ahli. Oleh itu, lebih besar mata yang ditebus, maka lebih berharga ganjaran diberi kepada ahli. Ahli juga mempunyai pilihan untuk membuat bayaran tambahan bagi mendapatkan ganjaran jika beliau tidak mempunyai mata ganjaran yang mencukupi. Ganjaran yang dibekalkan oleh penebus kepada ahli adalah tertakluk kepada CBP dan perlu diakaun dari nilai pasaran terbuka ganjaran apabila ditebus.</p>
5	<p>Bayaran yang dibuat oleh operator program (atau entiti yang dilantik bagi pihaknya) kepada penebus adalah bayaran balik kos barang atau</p>	<p>Tiada CBP perlu diakaun oleh penebus dari bayaran balik oleh operator program dan tiada invois cukai daripada penebus dibenarkan.</p> <p>Jika bayaran balik yang dibuat oleh operator program kepada penebus boleh dikenal pasti dan diagihkan kepada:</p> <p>(i) balasan kepada perkhidmatan</p>

<p>perkhidmatan, 'G_R/S_R' yang dibekalkan oleh penebus kepada ahli.</p>	<p>penebusan yang bekalkan oleh penebus kepada operator program, maka CBP perlu diakaun oleh penebus daripada balasan itu; dan</p> <p>(ii) bayaran balik kepada bekalan barang atau perkhidmatan, 'G_R/S_R' yang dibuat oleh penebus kepada ahli bagi pihak operator program maka bayaran balik ini tidak tertakluk kepada CBP.</p>
--	---

Rajah 13: Ilustrasi program mata ganjaran di mana operator program dan penebus adalah entiti yang sama.




Jadual 9: Layanan CBP bagi program mata ganjaran di mana operator program dan penebus adalah entiti yang sama

Perkara	Keterangan	Layanan CBP
1	Operator program menyediakan keahlian program mata ganjaran kepada ahli dan mengenakan	Bayaran bagi yuran keahlian yang dibuat oleh ahli kepada operator program adalah bayaran untuk perkhidmatan (keahlian program mata ganjaran) dan CBP perlu diakaun daripada yuran dikenakan oleh

	<i>bayaran perkhidmatan (yuran keahlian)</i>	<i>operator program.</i>
2	<i>Operator Program menyediakan sistem mata ganjaran, 'S_p' (perkhidmatan) kepada rakan program. Perkhidmatan yang dibekalkan juga boleh termasuk bayaran lain seperti bayaran pemasaran, promosi atau pentadbiran.</i>	<i>Bayaran yang dibuat oleh rakan program kepada operator program (atau entiti yang dilantik bagi pihaknya) adalah pembayaran bagi pembekalan perkhidmatan yang disediakan oleh operator program dan CBP perlu diakaun oleh operator program daripada pembayaran yang dibuat. Rakan program berdaftar berhak kepada kredit cukai input.</i>
3	<i>Ahli membuat pembelian barang atau perkhidmatan, 'G/S' daripada rakan program dan seterusnya operator program memperuntukkan mata ganjaran, 'P' kepada ahli.</i>	<i>Bayaran yang dibuat oleh ahli adalah untuk harga barang atau perkhidmatan, 'G/S' dan dia tidak membayar apa-apa tambahan untuk mata ganjaran. (laitu harga yang dibayar untuk 'G/S' adalah sama seperti untuk bukan ahli). Oleh itu: (i) Pembekalan barang atau perkhidmatan, 'G/S' oleh rakan program adalah tertakluk kepada CBP; dan (ii) Peruntukan mata ganjaran daripada operator program kepada ahli adalah bekaln perkhidmatan yang dibuat tanpa balasan dan tiada CBP perlu diakaun oleh operator program.</i>

4	<p>Operator program membekal ganjaran (iaitu barang atau perkhidmatan, 'G_R/S_R') kepada ahli dalam pertukaran mata ganjaran, P.</p>	<p>Ganjaran sebenarnya (yakni barang atau perkhidmatan, 'G_R/S_R') bergantung kepada bilangan mata yang ditebus oleh ahli. Oleh itu, lebih besar mata yang ditebus, maka lebih berharga ganjaran diberi kepada ahli. Ahli juga mempunyai pilihan untuk membuat bayaran tambahan bagi mendapatkan ganjaran jika beliau tidak mempunyai mata ganjaran yang mencukupi. Ganjaran yang dibekalkan oleh operator program kepada ahli adalah tertakluk kepada CBP dan perlu diakaun dari nilai pasaran terbuka ganjaran yang ditebus.</p>
---	--	--

Rajah 14: program mata ganjaran di mana operator program, rakan program dan penebus adalah entiti yang sama.



Jadual 10: Layanan CBP bagi program mata ganjaran di mana operator program, rakan program dan penebus adalah entiti yang sama

Perkara	Keterangan	Layanan CBP
1	Operator program menyediakan keahlian program mata ganjaran kepada ahli dan mengenakan bayaran perkhidmatan (yuran keahlian)	Bayaran bagi yuran keahlian yang dibuat oleh ahli kepada operator program adalah bayaran untuk perkhidmatan (keahlian program mata ganjaran) dan CBP perlu diakaun daripada yuran dikenakan oleh operator program
2	Ahli membuat pembelian barang atau perkhidmatan, 'G/S' daripada operator program dan operator program seterusnya memperuntukkan mata ganjaran, 'P' kepada ahli.	Bayaran yang dibuat oleh ahli adalah untuk harga barang atau perkhidmatan, 'G/S' dan dia tidak membayar apa-apa tambahan untuk mata ganjaran. (laitu harga yang dibayar untuk 'G/S' adalah sama seperti untuk bukan ahli). Oleh itu: (i) Pembekalan barang atau perkhidmatan, 'G/S' oleh operator program adalah tertakluk kepada CBP; dan (ii) Peruntukan mata ganjaran daripada operator program kepada ahli adalah bekalan perkhidmatan yang dibuat tanpa balasan dan tiada CBP perlu diakaun oleh operator program.
3	Operator program membekal ganjaran	Ganjaran sebenarnya (yakni barang atau perkhidmatan, 'G _R /S _R ') bergantung kepada

	<p>(iaitu barang atau perkhidmatan, 'G_R/S_R') kepada ahli dalam pertukaran mata ganjaran, P.</p>	<p>bilangan mata yang ditebus oleh ahli. Oleh itu, lebih besar mata yang ditebus, maka lebih berharga ganjaran diberi kepada ahli. Ahli juga mempunyai pilihan untuk membuat bayaran tambahan bagi mendapatkan ganjaran jika beliau tidak mempunyai mata ganjaran yang mencukupi. Ganjaran yang dibekalkan oleh operator program kepada ahli adalah tertakluk kepada CBP dan perlu diakaun dari nilai pasaran terbuka ganjaran yang ditebus.</p>
--	---	--

Contoh 24:

Layanan CBP atas pembekalan sistem mata ganjaran oleh operator program kepada rakan program.

Jack Koi adalah kedai tekstil yang besar yang telah membuat perjanjian penyertaan dengan Fast Reward untuk menyediakan perkhidmatan promosi pemasaran melalui program mata ganjaran. Dalam perjanjian itu, Jack Koi perlu membayar RM0.20 kepada Fast Reward untuk setiap mata ganjaran yang diperuntukkan kepada pelanggan apabila pelanggan meleret kad ahli Fast Reward di mana-mana cawangan Jack Koi. Untuk tuntutan bulan Disember, Fast Reward mengemukakan penyata bagi 10,000 mata ganjaran kepada Jack Koi dan Jack Koi membayar RM2,000.00 bagi 10,000 mata ganjaran tersebut.

Balasan (RM0.20 X 10,000)	:	RM2,000.00
6% CBP diakaun oleh Fast Reward (RM2,000.00 X 6%/106%)	:	RM113.21
Cukai input ditanggung oleh Jack Koi	:	RM113.21

Contoh 25:

Layanan CBP ke atas pembekalan mata ganjaran

Ahmad adalah ahli kepada Fast Reward. Ahmad membeli beberapa helai pakaian dari Jack Koi, yang merupakan rakan program kepada Fast Reward. Ahmad membayar RM1,060.00 termasuk CBP untuk pakaian dan meleretkan kad mata ganjaran Fast Reward untuk mendapat peruntukan mata ganjaran sebanyak 100 mata.

Harga (termasuk CBP) pakaian	:	RM1,060.00
6% CBP diakaunkan	:	<u>RM60.00</u>
(RM1,060.00 X 6%/106%)		

Pembekalan bercukai adalah hanya pembekalan pakaian oleh Jack Koi kepada Ahmad dengan CBP sebanyak RM60.00 dikenakan dan dibayar oleh Ahmad. Tiada CBP dikenakan ke atas bekalan mata ganjaran kepada Ahmad kerana peruntukan mata ganjaran adalah secara percuma.

Contoh 26:

Layanan CBP kepada Penebusan Barang atau Perkhidmatan

Kitty Gift Centre menawarkan kepada ahli-ahli Fast Reward mangkuk bercetak bernilai RM10.60 pada harga pasaran terbuka kepada mereka yang telah mengumpul mata ganjaran sehingga 106 atau 56 mata ganjaran berserta tunai RM5.00 kepada mereka yang tidak mencukupi mata ganjaran.

(i) Penebusan mata ganjaran sepenuhnya.

Ahmad menebus 106 mata ganjaran beliau untuk mangkuk bercetak dari Kitty Gift Centre yang merupakan rakan kongsi penebusan kepada Fast Reward. Kitty Gift Centre meleret kad Fast Reward Ahmad, yang menyebabkan potongan 106 mata ganjaran.

Nilai pasaran terbuka mangkuk bercetak	:	RM10.60
6% CBP diakaunkan	:	RM 0.60
(RM10.60 X 6%/106%)		

Ahmad tidak membayar apa-apa wang untuk Kitty Gift Centre tetapi 106 mata adalah balasan (selain daripada wang) untuk mangkuk bercetak. Ini adalah pembekalan yang dibuat oleh Kitty Gift Centre kepada Ahmad dan Kitty Gift Centre perlu mengakaun cukai output sebanyak RM0.60.

(ii) Penebusan 56 mata ganjaran berserta RM5.00

Ahmad tidak mempunyai mata yang mencukupi dan dia membuat pilihan "mata ganjaran berserta tunai".

Nilai pasaran terbuka mangkuk bercetak	:	RM10.60
Balasan		
Tunai	:	RM5.00
56 mata ganjaran yang setara	:	<u>RM5.60</u>
Jumlah Balasan	:	RM10.60
6% CBP diakaun (RM10.60 X 6%/106%)	:	RM0.60

Kitty Gift Centre perlu akaunkan cukai output sebanyak RM0.60.

Contoh 27:

Layanan CBP ke atas pembekalan perkhidmatan penebusan oleh Penebus kepada operator program.

Kitty Gift Centre telah membuat perjanjian penebusan dengan Fast Reward untuk menyediakan perkhidmatan penebusan. Dalam perjanjian itu, Fast Reward perlu membayar Kitty Gift Centre RM0.15 untuk setiap mata ganjaran yang ditebus. Pada akhir Januari Kitty Gift Centre telah mengemukakan penyata 10,000 mata ganjaran kepada Fast Reward dan 10,000 mata ganjaran dibayar oleh Fast Reward sebanyak RM1,500.00 [RM0.15 X 10,000].

Bayaran yang dibuat oleh operator program untuk penebus

- (i) Amaun RM1,500.00 dianggap sebagai bayaran pihak ketiga (pembayaran yang dibuat bagi pihak ahli) untuk kos ganjaran yang dibekalkan kepada ahli. Tiada CBP perlu diakaun, atau

- (ii) Jika pembayaran RM1,500.00 boleh dikenal pasti untuk kos perkhidmatan dan kos ganjaran dibekalkan oleh penebus kepada ahli, CBP perlu diakaun seperti berikut:

Balasan bagi perkhidmatan:

Andaikan amaun bahagian perkhidmatan daripada balasan yang diterima oleh penebus ialah RM500.00.

Balasan untuk perkhidmatan : RM500.00

6% CBP : RM28.30
(RM500.00 X 6%/106%)

6% CBP diakaunkan oleh Kitty Gift Centre : RM28.30

Cukai input ditanggung oleh Fast Reward : RM28.30

Balasan bagi kos ganjaran:

Jumlah RM1,000.00 (RM1,500.00 - RM500.00) adalah satu balasan untuk kos ganjaran yang dibekalkan kepada ahli. Tiada CBP perlu dikenakan atas RM1,000.00.

BAYARAN BALIK KHAS CUKAI JUALAN

61. Ketika pelaksanaan CBP, peruncit mungkin masih memegang stok dagangan di mana cukai jualan telah dibayar. Untuk mengelakkan kenaikan harga yang tidak berpatutan, peruncit boleh menuntut pembayaran balik khas atas barang yang dipegang ketika pelaksanaan CBP. Bayaran balik khas adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) peruncit adalah orang berdaftar CBP;
- (b) beliau memegang barang untuk tujuan membuat pembekalan yang boleh dikenakan cukai;
- (c) barang adalah tertakluk kepada cukai jualan dan cukai jualan telah dikenakan atau dibayar; dan
- (d) beliau memegang invois pembekal yang berkaitan atau borang kastam import.

62. Jika barang telah dibeli daripada peniaga yang invois tidak menunjukkan apa-apa cukai jualan dikenakan dan barang tersebut dikenakan cukai di bawah Akta Cukai Jualan 1972, peruncit adalah berhak kepada bayaran balik khas bagi stok dalam tangan yang bersamaan dengan dua puluh peratus (20%) daripada jumlah nilai stok dalam tangan berdasarkan harga pada invois barang yang ada dalam pegangan.

Contoh 28:

Seorang peniaga runcit membeli 500 helai baju dan tertakluk kepada cukai jualan 10%. Beliau menerima invois berjumlah RM12,500 (RM25 setiap helai). Pada masa pelaksanaan CBP, beliau masih memegang 300 helai. Jumlah pembayaran balik khas yang dia berhak adalah seperti berikut:

Nilai barang dalam pegangan (300 X RM25.00) : RM7,500.00

20% daripada RM7,500.00 : RM1,500.00

***Bayaran balik khas Cukai Jualan (10% CJ) ; RM150.00
(10% X RM1500.00)***

Jika peruncit mempunyai borang pengisytiharan kastam yang sah bagi barang dalam pegangan, dia berhak atas amaun penuh bagi pembayaran balik khas cukai jualan seperti berikut.

*Nilai barang dalam pegangan (tidak termasuk CJ) : RM7,500.00
(300 X RM 25.00)*

***Bayaran balik khas Cukai Jualan (10% CJ) : RM750.00
(10% X RM7,500.00)***

*Untuk maklumat lanjut sila rujuk **Panduan Isu-isu Peralihan***

PAPARAN HARGA

63. Pada tarikh pelaksanaan CBP (tarikh yang ditetapkan), peruncit dikehendaki mempamerkan harga barang termasuk CBP. Tanda harga lama perlu dibuang dan digantikan dengan tanda harga yang baru. Untuk pasaraya besar, pasar raya, pasar mini dan kedai serbanika, mereka boleh memaparkan harga dengan menggunakan

kaedah penandaan rak. Penandaan rak adalah merupakan satu amalan di mana peruncit memaparkan harga barang termasuk CBP pada rak.

Bagi peruncit lain, mereka perlu membuang tanda harga lama dan menggantikan dengan tanda harga yang baru. Penandaan harga hendaklah dilakukan pada setiap produk.

SOALAN LAZIM

Perakaunan

S1: Apakah layanan CBP bagi kes yang melibatkan penghampiran angka pecahan sen?

J1: Jika jumlah CBP yang perlu dibayar kepada pecahan satu sen, layanan seperti berikut akan terpakai:

- (i) untuk pecahan per seribu dan lebih besar dari 0.005, ia akan dinaikkan. Sebagai contoh, RM2.245 akan dinaikkan kepada RM2.25;
- (ii) untuk pecahan per seribu lebih kecil dari 0.005, ia akan diturunkan. Sebagai contoh, RM2.243 akan diturunkan kepada RM2.24.

S2: Bagaimana saya mengakaun CBP atas deposit?

J2: Secara umumnya, peruncit tidak perlu mengakaun CBP atas deposit kerana wang deposit bukan sebahagian daripada bayaran. Jika deposit menjadi sebahagian daripada bayaran maka deposit tersebut adalah tertakluk kepada CBP.

S3: Apakah Layanan CBP pada harga selepas tawar-menawar?

J3: Tawar-menawar harga adalah satu amalan biasa dalam perniagaan runcit. Jumlah CBP yang patut diakaunkan adalah pecahan cukai dari harga sebenar yang dibayar oleh pembeli. Jumlah CBP yang termasuk dalam balasan (harga sebenar yang dibayar) dan dikira seperti berikut:

Contoh 29:

Harga dipaparkan: = RM106.00

Harga selepas tawar-menawar = RM95.40

$$\begin{aligned} \text{CBP perlu diakaunkan:} &= \text{pecahan cukai dari balasan diterima} \\ &= \text{Balasan} \times \frac{\%CBP}{100\% + \%CBP} \\ &= \text{RM95.40} \times \frac{6\%}{100\% + 6\%} \\ &= \text{RM95.40} \times \frac{6\%}{106\%} \\ &= \text{RM5.40} \end{aligned}$$

Transaksi Lain

S4: Apabila seorang pemandu pelancong membawa penumpang ke pasaraya saya. Saya akan memberi kepadanya baucar RM10 untuk berbelanja di pasaraya saya. Adakah saya perlu mengenakan CBP apabila mengeluarkan baucar?

J4: Peruncit tidak perlu mengenakan atau mengakaun CBP apabila dia mengeluarkan baucar tunai, tetapi dia perlu mengakaun CBP apabila pemandu menebus baucar samada untuk barang atau perkhidmatan.

S5: Adakah CBP dikenakan ke atas jualan barang terpakai seperti kasut, perabot dan barang elektrik rumah?

J5: Penjualan barang terpakai dianggap sebagai pembekalan biasa di bawah CBP. Jika peruncit adalah orang berdaftar dengan CBP, peruncit hendaklah mengenakan CBP bagi perabot, kasut dan barang elektrik rumah terpakai yang dijual tanpa mengira sama ada barang yang diperolehi itu adalah daripada orang berdaftar ataupun tidak.

S6: Adakah CBP dikenakan pada barang yang dijual kepada pelancong asing?

J6: Sebagai peruncit berdaftar CBP, beliau bertanggungjawab untuk mengenakan CBP ke atas barang yang dijual kepada semua pembeli termasuk pelancong asing. CBP ke atas barang yang dibayar oleh pelancong asing boleh dituntut balik apabila meninggalkan Malaysia di bawah Skim Bayar Balik Pelancong jika memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

S7: Bolehkah saya menuntut kredit cukai input bagi kenderaan bermotor yang digunakan untuk pengangkutan barang perniagaan?

J7: Jika kenderaan bermotor itu dikategorikan sebagai kereta penumpang, peruncit tidak boleh menuntut cukai input yang ditanggung atas pembelian kereta itu walaupun ia digunakan untuk pengangkutan barang. Walau bagaimanapun, apabila dia kemudiannya menjual kereta itu, beliau tidak perlu mengenakan CBP ke atas jualan kereta tersebut.

Jika kenderaan bermotor itu adalah suatu kenderaan komersial seperti sebuah van untuk pengangkutan barang, maka peruncit berhak untuk menuntut cukai input yang ditanggung. Tetapi, apabila dia kemudiannya menjual kenderaan komersial bermotor, beliau perlu mengenakan CBP ke atas jualan kenderaan komersial bermotor tersebut.

S8: Saya adalah Orang Berdaftar CBP. Adakah saya perlu mengakaun CBP ke atas barang yang digunakan untuk kegunaan peribadi (kegunaan persendirian)?

J8: Ya. Barang yang digunakan untuk kegunaan peribadi adalah tertakluk kepada CBP. Oleh itu, CBP tetap dikenakan ke atas pembekalan barang pada nilai pasaran terbuka.

S9: Bilakah saya perlu mengakaun CBP bagi mesin syiling?

J9: Peruncit perlu mengakaun CBP dalam tempoh bercukai yang bertepatan dengan masa pembekalan iaitu pada tarikh wang atau syiling dikeluarkan dari mesin.

MAKLUMBALAS DAN KOMEN

64. Sebarang maklumbalas atau komen sangatlah dihargai. Sila emelkan maklumbalas atau komen anda kepada samada Mohd Hisham bin Mohd Nor (m_hisham.nor @ customs.gov.my) atau Aminul Izmeer bin Mohd Sohaimi (izmeer.msohaimi @ customs.gov.my).

BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT

65. Maklumat lanjut boleh diperolehi daripada:

- (a) Laman sesawang CBP: www.customs.gov.my
- (b) Hotline CBP: 03-88822111
- (c) Pusat Panggilan Kastam:
 - Tel : 03-78067200/1-300-888-500
 - Fax : 03-78067599
 - Emel : ccc@customs.gov.my: